

Padah perkosa budak

Metro 23/11/12 5A.

2 lelaki tukar pengakuan kepada bersalah atas tuduhan berasingan rogol gadis sunti

>>Oleh Meor Riduwan
Meor Ahmad
am@hmetro.com.my

SEREMBAN: Dua lelaki masing-masing dijatuhi hukuman penjara enam bulan oleh Mahkamah Sesyen, di sini, semalam selepas menukar pengakuan kepada bersalah atas tuduhan berasingan merogol kanak-kanak perempuan berusia 13 tahun pada Mei lalu.

Hakim Datin M Kunasundary dalam penghakimannya meneliti semua fakta kes, rayuan tertuduh dan hujah pihak pendakwaan serta menetapkan hukuman berkuat kuasa mulai semalam.

Beliau juga memerintahkan kedua-dua tertuduh, Shafei Kamarulzaman, 21, dan Muhammad Sharulrizal Samsudin, 23, membayar kos pendakwaan RM1,000 serta pampasan RM2,000 kepada mangsa setiap seorang.



MENGAKU...Shafei (kiri) dan Muhammad Sharulrizal dijel enam bulan.

Katanya, jika gagal membayar kos pendakwaan dan pampasan, kedua-dua tertuduh dipenjarakan lapan bulan.

Berdasarkan pertuduhan, Shafei didakwa merogol mangsa berusia 13 tahun dua bulan di Rumah Rakyat Pekan Lukut, Port Dickson 30 Mei lalu pada jam 11.30 malam.

Muhammad Sharulrizal pula didakwa merogol mangsa sama di Rumah PT 1515, No 524 Jalan 1/9, Bandar Dataran Segar, Lukut, Port Dickson, 31 Mei lalu pada jam 1 pagi.

Mereka dituduh melakukan kesalahan Seksyen 376 Kanun Keseksaan dan jika disabitkan boleh dipenjarakan maksimum 20 tahun dan sebatan.

Sebelum ini, mereka memohon dibicarakan, namun menukar pengakuan kepada bersalah selepas saksi pendakwaan pertama (mangsa) memberikan keterangan.

Peguam bela, Mohd

Hasryzal Badasary ketika merayu hukuman ringan memberitahu mahkamah kedua-dua anak guamnya menyesal dan berjanji tidak mengulangi kesalahan itu, malah mereka tiada rekod jenayah lampau.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Abu Hasan Ramli berhujah supaya mahkamah menjatuhkan hukuman setimpal terhadap kedua-dua tertuduh dengan mengambil kira fakta seperti keterangan mangsa.

Katanya, pendakwaan jug memohon mahkamah memerintahkan kedua-dua tertuduh membayar kos pendakwaan dan pampasan kepada mangsa, iaitu RM1,000 dan RM2,000 setiap seorang.

"Saya juga merayu mahkamah menimbangkan faktor kepentingan awam melebihi kepentingan tertuduh dan fakta umur mangsa 13 tahun dua bulan," katanya.